BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

No Ruj.: 02/15/03

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1200 hari Khamis, 12 Februari 2015

PERKEMBANGAN EKONOMI DAN KEWANGAN DI MALAYSIA PADA SUKU KEEMPAT 2014

TINJAUAN KESELURUHAN

Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan lebih tinggi pada suku keempat 2014

Aktiviti ekonomi global terus berkembang pada kadar yang sederhana pada suku keempat 2014. Walau bagaimanapun, pertumbuhan masih tidak sekata merentas ekonomi. Meskipun terdapat tanda-tanda yang lebih meluas bahawa ekonomi Amerika Syarikat (AS) terus bertambah baik, aktiviti ekonomi di kawasan euro dan Jepun terus lembap. Di Asia, pertumbuhan telah didorong oleh permintaan dalam negeri dan eksport. Inflasi yang lebih rendah dicatat oleh kebanyakan ekonomi dengan penurunan harga tenaga memperkukuh trend ini.



Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan lebih tinggi sebanyak 5.8% pada suku keempat 2014 (S3 2014: 5.6%), didorong terutamanya oleh perbelanjaan sektor swasta yang lebih kukuh. Dari segi penawaran, pertumbuhan disokong oleh sektor ekonomi utama berikutan sokongan aktiviti perdagangan dan dalam negeri. Berdasarkan asas suku tahunan terlaras secara bermusim, momentum pertumbuhan meningkat kepada 2.0% (S3 2014: 0.9%). Bagi tahun 2014, ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 6.0%.

Permintaan dalam negeri kekal sebagai peneraju pertumbuhan pada suku keempat, disebabkan terutamanya oleh aktiviti sektor swasta yang lebih baik. Pelaburan swasta meningkat pada kadar lebih cepat sebanyak 11.2% (S3 2014: 6.8%) didorong oleh perbelanjaan modal dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan. Penggunaan swasta mencatat pertumbuhan lebih kukuh sebanyak 7.8% (S3 2014: 6.7%), disokong keadaan pasaran pekerja yang stabil dan pertumbuhan upah yang berterusan. Penggunaan awam berkembang pada kadar yang lebih sederhana sebanyak 2.7% pada suku keempat (S3 2014: 5.3%), disebabkan pertumbuhan lebih perlahan bagi emolumen serta bekalan dan perkhidmatan. Pelaburan awam, bagaimanapun, terus menurun walaupun pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 2.1% (S3 2014: -8.9%), berikutan penguncupan kecil dalam perbelanjaan untuk aset tetap oleh Kerajaan Persekutuan.

Dari segi penawaran, pertumbuhan disokong oleh sektor ekonomi utama pada suku keempat. Pertumbuhan sektor perkhidmatan disokong pengembangan dalam kesemua subsektor. Sektor pembinaan kekal kukuh, didorong terutamanya oleh subsektor bukan kediaman dan kediaman, manakala pertumbuhan sektor perlombongan lebih kukuh disebabkan pengeluaran minyak mentah yang lebih tinggi. Sektor perkilangan terus berkembang, disokong terutamanya oleh industri berorientasikan eksport. Walau bagaimanapun, pertumbuhan sektor pertanian menguncup disebabkan penurunan dalam pengeluaran minyak sawit akibat banjir di negeri-negeri pantai timur Semenanjung Malaysia.

Kadar inflasi, seperti yang diukur oleh perubahan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), mencatat kadar purata yang lebih rendah pada 2.8% pada suku keempat (S3 2014: 3.0%). Penurunan ini disebabkan terutamanya oleh inflasi yang lebih rendah dalam kategori *makanan dan minuman bukan alkohol* (2.7%; S3 2014: 3.2%), berikutan penurunan harga daging segar dan makanan laut segar pada suku itu. Bagi tahun 2014 secara keseluruhan, purata inflasi ialah 3.2% (2013: 2.1%).

Lebihan perdagangan meningkat kepada RM21.5 bilion (S3 2014: RM16.8 bilion). Eksport kasar menjadi sederhana kepada 0.5% (S3 2014: 1.5%),

disebabkan terutamanya oleh penurunan eksport komoditi dalam keadaan peningkatan eksport perkilangan yang lebih sederhana. Import kasar berkembang pada kadar yang lebih cepat sebanyak 4.6% pada suku keempat (S3 2014: 2.6%).

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia (BNM) berjumlah RM405.5 bilion (bersamaan dengan USD116.0 bilion) pada 31 Disember 2014. Paras rizab ini telah mengambil kira pelarasan suku tahunan bagi perubahan penilaian semula pertukaran asing. Pada 30 Januari 2015, kedudukan rizab berjumlah RM386.5 bilion (bersamaan dengan USD110.6 bilion), memadai untuk membiayai 7.9 bulan import tertangguh dan ialah 1.1 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Kadar faedah kekal stabil

Pada 6 November 2014, Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) memutuskan untuk mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) pada 3.25%. Berikutan paras OPR yang tidak berubah sejak mesyuarat MPC pada bulan September lalu, kadar antara bank semalaman purata secara relatif stabil pada suku itu dan bergerak dalam julat antara 3.04% hingga 3.27% sepanjang tempoh 1 Oktober hingga 31 Disember 2014. Kadar antara bank bagi tempoh matang jangka pendek lain (kurang dari 1 bulan) juga secara relatif stabil. Walau bagaimanapun, kadar antara bank bagi tempoh matang lebih panjang terus menunjukkan trend menaik pada suku itu. Ini berikutan bank-bank menaikkan bidaan terhadap kadar antara bank dalam keadaan persaingan yang sengit untuk memperoleh pendanaan yang stabil (stable funding). Persaingan untuk memperoleh pendanaan yang stabil adalah bagi memenuhi keperluan mudah tunai pengawalseliaan Basel III yang baharu, yang bakal dilaksanakan secara berperingkat dalam keadaan pertumbuhan deposit yang lebih perlahan secara keseluruhan disebabkan aliran keluar bersih. Kadar deposit tetap (FD) disebut purata bank perdagangan bagi tempoh 1 hingga 12 bulan secara relatif kekal stabil, antara 3.08% hingga 3.31%. Kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata bank perdagangan kekal tidak berubah pada 6.79%, manakala kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) bagi pinjaman terkumpul adalah stabil (5.51%; S3 2014: 5.52%). Kadar pinjaman keseluruhan kekal di bawah purata jangka panjangnya dan terus menyokong aktiviti ekonomi.

Agregat monetari terus berkembang pada suku keempat. Wang secara kecil atau M1 meningkat sebanyak RM16 bilion pada suku itu. Pada asas tahunan, M1 berkembang 5.7% pada akhir bulan Disember (akhir bulan September 2014: 6.7%). Wang secara luas atau M3 meningkat sebanyak RM49.9 bilion pada asas suku tahunan untuk mencatat pertumbuhan tahunan 7.0% pada akhir bulan Disember (akhir bulan September 2014: 5.2%). Peningkatan M3 didorong terutamanya oleh pemberian kredit yang terus meningkat oleh sistem perbankan kepada sektor swasta serta tuntutan bersih yang lebih

tinggi terhadap Kerajaan. Namun begitu, peningkatan wang secara luas diimbangi sebahagiannya oleh penurunan aset asing bersih. Keadaan mudah tunai dalam sistem perbankan adalah lebih daripada mencukupi pada peringkat institusi dan seluruh sistem. Paras lebihan mudah tunai yang disimpan di BNM kekal tinggi pada RM270 bilion pada akhir bulan Disember meskipun terdapat penurunan pada suku itu berikutan pengeluaran mudah tunai untuk memenuhi lebih banyak permintaan terhadap dana dalam keadaan aliran keluar sektor luaran.

Jumlah pembiayaan kasar yang diperoleh sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal adalah sebanyak RM309.8 bilion (S3 2014: RM302.1 bilion). Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) terkumpul berkembang 8.8% pada akhir bulan Disember (akhir bulan September 2014: 8.9%). Pertumbuhan pinjaman sistem perbankan terkumpul kepada sektor perniagaan kekal mantap, dengan pinjaman terkumpul kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) terus meningkat 13.4% pada akhir bulan Disember (akhir bulan September 2014: 12.5%). Pertumbuhan pinjaman terkumpul isi rumah terus menjadi sederhana kepada 9.9% pada akhir bulan Disember (akhir bulan September 2014: 10.7%). Ini berikutan keberkesanan dasar susulan beberapa langkah lebih awal yang diambil untuk memastikan hutang isi rumah berada pada paras yang berhemat. Dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal adalah lebih tinggi pada RM26.4 bilion pada suku keempat (S3 2014: RM17.1 bilion).

Pada suku keempat, pergerakan ringgit dan mata wang serantau lain didorong terutamanya oleh perkembangan luaran. Selain kebimbangan yang semakin meningkat terhadap prospek pertumbuhan global, mata wang serantau juga menghadapi tekanan susut nilai ekoran pengukuhan dolar Amerika Syarikat (AS) yang dipengaruhi jangkaan bahawa Federal Reserve (Fed) akan mengembalikan kadar faedah ke paras yang lebih wajar berikutan pemulihan dalam ekonomi AS. Ringgit, bagaimanapun, mengalami susut nilai yang lebih ketara dibandingkan dengan mata wang serantau lain, terutamanya pada bulan Disember. Ini berikutan kebimbangan pasaran yang meningkat ekoran kesan penurunan mendadak harga minyak terhadap ekonomi Malaysia, khususnya kedudukan fiskal Kerajaan.

Secara keseluruhan, ringgit menyusut nilai sebanyak 6.4% berbanding dengan dolar AS pada suku keempat. Ringgit juga menyusut nilai berbanding dengan dolar Australia (-0.1%), paun sterling (-2.2%), euro (-2.3%) dan semua mata wang serantau. Ringgit, bagaimanapun, menambah nilai sebanyak 2.3% berbanding dengan yen Jepun.

Antara 1 Januari hingga 10 Februari 2015, ringgit menyusut nilai berbanding dengan dolar AS sebanyak 2.4%. Ringgit juga menyusut nilai berbanding

dengan paun sterling (-0.3%) dan yen Jepun (-3.2%), tetapi menambah nilai berbanding dengan euro (4.7%), dan dolar Australia (2.2%). Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit pada amnya menyusut nilai antara 0.1% hingga 3.3%.

Kestabilan kewangan domestik terus terpelihara

Sistem kewangan Malaysia terus berdaya tahan sepanjang suku keempat, dalam keadaan penurunan harga minyak yang ketara, yang telah memberikan kesan terhadap pasaran kewangan dan pergerakan kadar pertukaran. Pengantaraan kewangan terus disokong dengan baik oleh institusi kewangan yang kukuh, keadaan pasaran kewangan yang teratur dan keyakinan yang berterusan terhadap sistem kewangan. Prospek bagi kestabilan kewangan domestik dijangka terus positif, walaupun dalam keadaan persekitaran operasi yang lebih mencabar.

Kedudukan modal sistem perbankan kekal kukuh dengan nisbah modal ekuiti biasa kumpulan 1 (common equity tier, CET1), nisbah modal kumpulan 1 dan nisbah jumlah modal jauh melebihi paras pengawalseliaan minimum, masing-masing pada 12.6%, 13.3% dan 15.2%. Jumlah penampan modal bagi bank-bank yang melebihi keperluan modal pengawalseliaan minimum adalah melebihi RM90 bilion. Lebih 80% daripada jumlah modal bank-bank terdiri daripada modal berkualiti tinggi dalam bentuk modal berbayar, perolehan tertahan dan rizab. Nisbah kecukupan modal sektor insurans juga kekal kukuh pada 253% (S3 2014: 246.9%), dengan lebihan penampan modal sebanyak RM30.2 bilion.

Permintaan dalam negeri dijangka kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan

Melangkah ke hadapan, pertumbuhan ekonomi global dijangka kekal pada landasan pertumbuhan yang sederhana dengan momentum pertumbuhan semakin berbeza dalam kalangan ekonomi utama. Harga tenaga yang menurun dijangka memberikan sedikit sokongan tambahan kepada pertumbuhan global secara keseluruhan kerana pendapatan boleh guna yang lebih tinggi dan kadar inflasi yang lebih rendah akan menyokong perbelanjaan pengguna. Walau bagaimanapun, masih terdapat risiko aktiviti ekonomi global menjadi lebih perlahan yang nyata. Ini termasuk kelemahan permintaan yang berpanjangan dan inflasi yang rendah atau kemungkinan berlakunya deflasi dalam beberapa ekonomi utama, ketidakpastian mengenai pelarasan dasar monetari dalam ekonomi maju utama, serta meningkatnya kebimbangan terhadap prospek pertumbuhan beberapa ekonomi sedang pesat membangun yang merupakan pengeksport komoditi bersih, dalam keadaan harga tenaga yang menurun.

Ekonomi Malaysia dijangka kekal pada landasan pertumbuhan yang stabil. Pemulihan pertumbuhan global yang beransur-ansur akan memberikan

sokongan kepada prestasi eksport perkilangan negara, meskipun pertumbuhan eksport secara keseluruhan dijangka kekal sederhana dalam keadaan harga komoditi yang lebih rendah. Permintaan dalam negeri dijangka kekal menggalakkan dalam keadaan harga minyak yang lebih rendah. Aktiviti pelaburan dijangka kekal berdaya tahan apabila perbelanjaan modal yang menyeluruh oleh sektor swasta dan awam mengimbangi pengurangan aktiviti pelaburan berkaitan minyak dan gas. Meskipun penggunaan swasta dijangka menjadi sederhana, pendapatan dan guna tenaga yang meningkat dengan stabil, serta pendapatan boleh guna tambahan hasil daripada harga minyak yang lebih rendah akan menyokong perbelanjaan isi rumah.

Bank Negara Malaysia
12 Februari 2015

KDNK Mengikut Aktiviti Ekonomi (pada harga malar tahun 2005)

	Bahagian 2014 (%)	2013		2014		
		S4	Tahun	S3	S4	Tahun
		Perubahan tahunan (%)				
Pertanian	6.9	0.2	2.1	4.0	-2.8	2.6
Perlombongan	7.9	-1.2	0.7	1.4	9.6	3.1
Perkilangan	24.6	5.2	3.5	5.4	5.2	6.2
Pembinaan	3.9	9.8	10.9	9.6	8.7	11.6
Perkhidmatan	55.3	6.4	5.9	6.2	6.4	6.3
KDNK Benar	**100.0**[1]	**5.1**	**4.7**	**5.6**	**5.8**	**6.0**
KDNK Benar (Suku tahunan terlaras secara bermusim)	**-**	**1.9**	**-**	**0.9**	**2.0**	**-**

[1] Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian komponen duti import

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan (pada harga malar tahun 2005)

	2013		2014		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan tahunan (%)				
Permintaan Dalam Negeri					
Agregat (tidak termasuk stok)	6.7	7.4	4.9	5.9	6.0
Sektor swasta	9.1	8.6	6.8	8.5	8.0
Penggunaan	*7.4*	*7.2*	*6.7*	*7.8*	*7.1*
Pelaburan	*16.6*	*13.1*	*6.8*	*11.2*	*11.0*
Sektor awam	2.1	4.4	-1.2	0.6	0.2
Penggunaan	*5.2*	*6.3*	*5.3*	*2.7*	*4.4*
Pelaburan	*-1.4*	*2.2*	*-8.9*	*-2.1*	*-4.9*
Eksport Bersih	-6.8	-12.6	11.4	-9.8	19.7
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	*5.7*	*0.6*	*2.8*	*1.5*	*5.1*
Import Barangan dan Perkhidmatan	*7.1*	*2.0*	*2.2*	*2.6*	*3.9*
KDNK	**5.1**	**4.7**	**5.6**	**5.8**	**6.0**
KDNK (Suku tahunan terlaras secara bermusim)	**1.9**	**-**	**0.9**	**2.0**	**-**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia